

20 OKTOBER 2017

Kerana RM3,000 lelaki berdepan hukuman mati

Ms.26 Jumaat, 20 Oktober 2017 **BH**

→ JENAYAH

[FOTO BERNAMA]



Mohmad (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian ganja seberat 527.9kg yang dirampas di IPK Kedah, Alor Setar, semalam.

Kerana RM3,000 lelaki berdepan hukuman mati

→ Polis temui 527.9kg ganja dalam MPV

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Demi mengejar upah RM3,000 untuk satu perjalanan, seorang lelaki bakal berdepan hukuman mati, selepas kenderaan pelbagai guna (MPV) dipandunya, dikesan sarat muatan 527.9 kilogram (kg) ganja.

Lelaki berasal dari Kuala Lumpur itu adalah antara empat yang ditahan dalam serbuan terhadap dua lokasi berasingan di Kedah kelmarin, susulan penemuan ganja bernilai RM1.58 juta itu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JS-JN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata suspek pertama lelaki berusia 33 tahun itu ditahan ketika sedang memandu Toyota Alphard di satu persimpangan lampu isyarat bandar raya ini, ketika dalam perjalanan ke ibu negara, jam 6.20 pagi.

Hasil pemeriksaan, katanya polis menemui ketulan ganja mampat disembunyikan pada tempat barang dalam kenderaan itu, yang ditutup dengan kain, dipercayai untuk mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Siasatan lanjut membawa kepada serbuan susulan kira-kira sejam kemudian di perkampungan nelayan muara Kuala Kedah di sini, di mana tiga lelaki berusia di antara lingkungan 20-an hingga 33 tahun, dipercayai mempunyai kaitan dengan ganja yang dirampas itu.

Ganja dipercayai dari negara ASEAN

"Siasatan polis mendapati suspek pertama menerima upah RM3,000 untuk membawa ganja dari Kedah ke ibu negara, manakala tiga lagi suspek yang dikesan positif morfin dan methamphetamine, menerima upah memungkah dadah dari bot ke dalam kenderaan terbabit," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjert (IPK) Kedah, semalam.

Mohmad berkata, polis mengesyaki kegiatan itu dilakukan sindiket didalangi warga tempatan dan ketulan ganja dipercayai dari negara ASEAN itu disorok dalam guni yang dibawa masuk ke negara ini melalui jalan laut dengan Satun di Thailand, sebagai lokasi transit.

Dadah baru tiba

"Kita percaya bekalan dadah itu untuk pasaran tempatan, khususnya sekitar ibu negara dan mungkin dihantar ke Sabah dan Sarawak dengan harga pasaran RM3,000 sekilogram tetapi nilainya mungkin lebih tinggi apabila dijual kepada pihak ketiga dan seterusnya.

"Kita percaya, dadah terbabit baru tiba semalam sebelum dirampas. Polis akan terus memburu saki baki mereka yang terbabit, dengan jangkaan lebih banyak tangkapan akan dibuat selepas ini," katanya.

Mohmad berkata, empat suspek yang ditahan tiada rekod jenayah lampau dan masing-masing direman seminggu untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes itu diasiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, yang sabit kesalahan boleh membawa hukuman mati mandatori.

